

UMS berpotensi jadi pusat rujukan ulung BIMP-EAGA

DE 10.07.2012 2

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mempunyai potensi untuk menjadi sumber rujukan yang ulung bagi topik dan isu utama berkaitan Kawasan Pertumbuhan Asean Timur Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA), khususnya dalam bidang pelancongan dan biokepelbagaian yang mampan.

Naib Canselor UMS Prof Dr Mohd Harun Abdullah berkata keyakinan beliau itu bersandarkan kepada bidang penyelidikan teras universiti berkenaan.

Beliau berkata UMS bersedia untuk melaksanakan peranan penting dalam membantu negara anggota BIMP-EAGA ke arah mencapai matlamatnya melalui beberapa cara.

"Ini boleh dilakukan melalui pertukaran pensyarah dan pelajar; menjalankan penyelidikan dan pembangunan bersama; penerbitan bersama; penganjuran persidangan dan seminar, terutamanya dalam bidang perkhidmatan bersama seperti sumber hutan dan marin," katanya ketika berucap majlis perasmian Persidangan BIMP-EAGA di sini pada Isnin.

Mohd Harun berkata kerjasama serantau dan rentas sempadan dalam penyampaian pendidikan tinggi semakin berkembang di seluruh Asia dan Pasifik.- Bernama